KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	TNB			



Kediaman penduduk di Pekan Batu 18, Hulu Langat terjejas akibat banjir. (Foto BERNAMA)

Bekalan elektrik di kawasan banjir ambil masa pulih

TNB perlu buat ujian pastikan tiada kerosakan pada kabel atau tiang elektrik

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekalan elektrik di kawasan yang terjejas banjir akan mengambil sedikit masa untuk pulih semula, walaupun banjir mulai surut.

Ketua Pegawai Perkhidmatan Rangkaian Tenaga Nasional Berhad (TNB), Wan Nazmy Wan Mahmood, berkata ini berikutan pihaknya perlu membuat ujian terlebih dahulu untuk memastikan tiada kerosakan pada kabel atau tiang elektrik.

Bagaimanapun, katanya, jika pihaknya mendapati ada kerosakan seperti tiang tumbang atau hanyut, kabel rosak atau berlaku mendapan tanah, tempoh pemulihan perlu dilanjutkan untuk kerja membaiki.

"Walaupun banjir sudah surut, bekalan masih tidak boleh disambung begitu sahaja kerana pada masa sama penduduk perlu memastikan keadaan rumah mereka bersedia menerima bekalan elektrik.

"Ini bagi mengelak risiko renjatan jika bekalan elektrik disambung semula begitu sahaja," katanya kepada *BH*.

Katanya, penduduk perlu membuat pemeriksaan di rumah mereka dengan mengamalkan panduan keselamatan elektrik ketika dan selepas banjir demi keselamatan.

Katanya, ini termasuk menjauhi dan menyentuh peralatan atau kabel elektrik yang digenangi air bagi mengelak risiko renjatan.

"Orang ramai juga perlu pastikan pemasangan suis dan perkakas elektrik yang mereka tidak sempat alih dan pindahkan atau yang berkemungkinan tenggelam, dibuat pemeriksaan dan diuji terlebih dahulu oleh pihak kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) sebelum digunakan.



Wan Nazmy Wan Mahmood

"Semakan kontraktor pendawaian yang berdaftar dengan ST boleh dibuat di laman web agensi berkenaan," katanya.

Wan Nazmy berkata, selepas penduduk di kawasan berkenaan selesai membuat semakan, barulah TNB dapat menyalurkan semula bekalan.

Katanya, usaha itu perlu dilakukan dengan kerjasama wakil penduduk seperti badan pengurusan bersama (JMB) supaya semua penduduk yang terjejas mendapat bekalan pada masa yang sama.

"Tempoh menyambung semula bekalan elektrik di kawasan terjejas bergantung kepada kesediaan penduduk membuat semakan di rumah mereka," katanya.